




# Sesi Libat Urus Bersama Kerajaan Negeri Melaka

## Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

**Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**5 Julai 2019**

Kementerian  
Hal Ehwal  
Ekonomi



# Objektif Sesi Libat Urus

- Membentangkan mengenai hala tuju pembangunan negara bagi tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025
- Mendapatkan cadangan daripada Kerajaan Negeri mengenai perancangan pembangunan di peringkat negeri



# Rangka

- 1 **Pengenalan**
- 2 **Pertimbangan Pasca 2020**
  - **Sorotan dalaman** : Imbasan semula
    - Prestasi sosioekonomi semasa Malaysia
    - Pencapaian Wawasan 2020
  - **Sorotan luaran** : Apakah yang ingin dicapai pada tahun 2030?
    - Ciri-ciri negara yang paling bahagia di dunia
    - Sokongan dasar untuk meningkatkan tahap kebahagiaan
  - **Megatrend**
- 3 **Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025**
  - Konsep dan pendekatan
  - Struktur tadbir urus dan cadangan kertas strategik
- 4 **Kedudukan Ekonomi Melaka: Pencapaian, Isu dan Cabaran**

# 1 Pengenalan

- Surat Arahan Penyediaan Pelan Pembangunan Pasca 2020 oleh YBhg. Datuk Seri KSN: **16 April 2019**
- Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) akan diselaraskan dengan **Inisiatif Kemakmuran Bersama**, yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Mei 2019
- Dokumen RMKe-12 dijangka dibentangkan di Parlimen pada **separuh kedua tahun 2020**





## 2 **Pertimbangan Pasca 2020**


### **Sorotan dalaman**

Imbasan semula

- Prestasi sosioekonomi semasa Malaysia
- Pencapaian Wawasan 2020

# Imbasan semula: Malaysia mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang pesat sejak tahun 1970-an ...

KDNK Sebenar, Inflasi (% setahun), Pengangguran (%)



## ✓ Malaysia, 1971-2018

- Malaysia mencatatkan pertumbuhan **6.1%** walaupun berhadapan dengan 5 krisis ekonomi sejak tahun 1970
- Malaysia berjaya pulih dengan pantas selepas setiap krisis disebabkan oleh daya tahan ekonominya

## KDNK, 1971-2018 (% setahun)

- Dunia: 3.1
- Negara Maju: 2.6
- Negara Membangun: 3.0
- Pasaran Baru Muncul: 4.7


Sumber : IHS

% setahun	2017				2018				'19
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4	S1
KDNK	5.5	5.6	6.1	5.7	5.3	4.5	4.4	4.7	4.5
	5.7				4.7				

**Pada peringkat makro, asas ekonomi kekal kukuh ...**

- ✓ Pertumbuhan KDNK bagi tempoh 1971-2018 adalah antara yang tertinggi di dunia
- ✓ Kadar inflasi yang rendah dan stabil serta mencapai guna tenaga penuh sejak tahun 1992
- ✓ Kemiskinan mutlak hampir dibasmi pada kadar 0.4% daripada jumlah isi rumah pada tahun 2016
- ✓ Masih merupakan salah satu destinasi utama untuk FDI
- ✓ Dianggap sebagai negara yang berdaya saing: berada pada kedudukan ke-25 daripada 140 negara dalam *Global Competitiveness Report, 2018*

## ... tetapi kesejahteraan sosial masih ketinggalan berbanding kesejahteraan ekonomi




### Kemerosotan kesejahteraan sosial terutamanya bagi komponen institusi keluarga, kesihatan dan alam sekitar

- **Keluarga**
  - Punca kemerosotan termasuk peningkatan kadar perceraian, keganasan rumah tangga dan jenayah juvana, ditambah lagi dengan peningkatan tahap hutang isi rumah
- **Kesihatan**
  - Terdapat peningkatan jangka hayat, penurunan kadar kematian ibu bersalin dan kes-kes penyakit tidak berjangkit
  - Namun tahap kesihatan keseluruhannya dipengaruhi oleh peningkatan kadar kematian bayi dan gaya hidup moden yang tidak sihat disebabkan oleh tekanan, tabiat makan yang buruk, merokok dan tidak aktif fizikal
- **Alam Sekitar**
  - Kemerosotan disebabkan terutamanya oleh kejatuhan indeks pencemaran udara dan indeks kualiti air serta peningkatan kuantiti bahan buangan terjual

Sumber : Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, MEA




## ✓ destinasi persaraan kelima terbaik di dunia ...



- **International Living 2019** : Malaysia berada pada kedudukan ke-5 terbaik di dunia untuk bersara berdasarkan empat aspek iaitu kewangan, kesihatan, gaya hidup dan tadbir urus
- 2019: Penjagaan kesihatan di Malaysia menduduki tempat pertama berdasarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia dan infrastruktur yang canggih

Sumber: *International Living*


## Pasport ke-12 yang paling berkuasa di dunia ...



- **Henly Passport Index 2019** : Malaysia berada pada kedudukan ke-12 pasport paling berkuasa di dunia daripada 226 negara
- Rakyat Malaysia boleh melawat ke 179 negara tanpa memerlukan visa manakala hanya 47 negara lain memerlukan visa untuk memasuki negara ini

Sumber: *Henley & Partners*


## ✓ Antara tempat paling mudah untuk menjalankan perniagaan di Asia ...



- **Doing Business 2019** : Malaysia menambah baik kedudukan ke-15 daripada 190 buah negara, dan merupakan antara 5 negara teratas dalam tiga petunjuk - melindungi pelabur minoriti, permit pembinaan dan bekalan elektrik
- Penambahbaikan diperlukan dalam aspek 'memulakan perniagaan' termasuk prosedur, masa, kos dan modal minimum yang perlu dibayar untuk memulakan syarikat liabiliti terhad di negara ini

Sumber: *World Bank*


## ✓ Malaysia kekal berdaya saing ...



- **World Competitiveness 2019** : Malaysia menduduki tempat ke-22 daripada 63 negara, disokong oleh peningkatan faktor infrastruktur berikutan kedudukan yang lebih baik dalam semua sub-faktor, kecuali pendidikan
- Faktor lain seperti prestasi ekonomi, kecekapan perniagaan dan kecekapan kerajaan mencatatkan sedikit penurunan

Sumber: *Institute for Management Development*


## Pengurusan sumber modal, barangan dan pelaburan bertambah baik ...



- **Index of Economic Freedom 2019** : Malaysia kekal pada kedudukan ke-22, berdasarkan peningkatan dalam keberkesanan kehakiman, perbelanjaan kerajaan dan kedudukan fiskal - juga melebihi skor purata serantau dan dunia
- Penambahbaikan perlu dalam aspek kecekapan pengawalseliaan untuk tenaga kerja, kewangan dan perdagangan

Sumber: *The Heritage Foundation*

## ✓ Masih dianggap antara negara paling aman di rantau ini ...




- **Global Peace Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-25 dari 163 negara dan kekal sebagai 5 teratas di rantau dan 30 teratas di dunia sejak tahun 2015
- Prestasi Malaysia bertambah baik dalam 'konflik domestik dan antarabangsa yang berterusan' dan 'keselamatan dan kesejahteraan masyarakat'.
- Dimensi pententeraan (militerisasi) merosot berikutan pertambahan senjata import

Sumber: *Institute of Economy and Peace*






## ✘ Persepsi rasuah semakin teruk ...



- **TI Corruption Perception Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-61 daripada 180 negara
- Prestasi merosot sejak 2015 disebabkan persepsi negatif terhadap kerajaan daripada orang awam, pelabur dan komuniti perniagaan

Sumber: *Transparency International*


## ✘ Kedudukan semakin merosot dari segi pengurusan alam sekitar ...



- **Yale Environmental Performance Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-75 daripada 180 negara
- Prestasi Malaysia semakin merosot sejak tahun 2014 disebabkan oleh skor yang lebih rendah dalam iklim dan tenaga, pencemaran udara dan perhutanan

Sumber: *Yale University*


## ✘ Kemerosotan dalam kebebasan peribadi, tadbir urus dan pendidikan ...



- **The Legatum Prosperity Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-44 dari 149 negara
- Skor yang lebih rendah dalam kebebasan peribadi, tadbir urus, pendidikan dan persekitaran perniagaan

Sumber: *Legatum Institute*


## ✘ Kemajuan ekonomi telah memberi kesan kepada kemajuan sosial ...



- **Social Progress Index 2018** : Malaysia hanya menunjukkan sedikit kemajuan dalam aspek sosial dan kekal pada kedudukan ke-50 sejak 2016
- Bidang yang perlu ditambah baik termasuk kebebasan peribadi, akses kepada pendidikan lebih tinggi, hak peribadi dan keterangkuman

Sumber: *Social Progress Imperative*


## ✘ Pembangunan insan tidak berkembang sebagaimana yang sepatutnya ...



- **UNDP Human Development Index 2018** : Malaysia berada pada kedudukan ke-57 dari 189 negara.
- Walaupun prestasi Malaysia semakin baik sejak 2015 dengan kebanyakan komponen terus meningkat (seperti jangkaan jangka hayat semasa kelahiran dan PNK per kapita), skor Malaysia masih di bawah purata dunia

Sumber: *UNDP*

## ✘ Terlalu banyak prosedur dan masa diambil bagi memulakan perniagaan ...




- **Doing Business 2019** : Kedudukan Malaysia bagi indikator memulakan perniagaan jatuh ke tempat ke-122 daripada 190 negara
- Terdapat 9-10 prosedur dan 13-14 hari yang diperlukan untuk memulakan perniagaan di Malaysia (New Zealand: 1 prosedur dan 0.5 hari)


Sumber: *World Bank*



# Menuju ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan: Terdapat kemajuan yang ketara dalam ekosistem pengetahuan bagi sebahagian industri tetapi **masih banyak yang tertinggal berbanding industri di negara lebih maju**



R&D Malaysia telah meningkat secara beransur-ansur tetapi masih di bawah tahap yang setara dengan pembangunannya



Sumber: Report on Knowledge Content in Key Economic Sectors in Malaysia

Sumber: National Survey of R&D 2016



## **Wawasan 2020** : Dibangunkan dengan acuan sendiri merangkumi aspek ekonomi, politik, sosial, rohani, psikologi dan budaya

Cabaran	Pencapaian	Penilaian
Membina negara Malaysia yang bersatu padu, terdiri daripada satu <b>Bangsa Malaysia</b>	<b>Rendah</b>	Berubah sangat perlahan dan kekal mencabar, terutamanya apabila wujud politik yang berpecah-belah dan penggubalan dasar mengikut kaum
Mewujudkan <b>masyarakat Malaysia</b> yang berjiwa bebas, tenteram dan maju	Sederhana	Hanya sebahagian daripada matlamat ini tercapai, dengan wujudnya ramai golongan kelas pertengahan berpendidikan yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik
Memupuk dan membangunkan <b>masyarakat demokratik yang matang</b>	<b>Rendah</b>	Terdapat keperluan untuk desentralisasi dan devolusi kuasa kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan
Mewujudkan <b>masyarakat yang bermoral dan beretika</b>	Sederhana	Persepsi terhadap pencapaian aspirasi yang sukar diukur ini sangat pelbagai dan bercampur-baur
Mewujudkan <b>masyarakat yang matang, liberal dan toleransi</b>	<b>Rendah</b>	Persepsi umum bahawa sebahagian daripada hubungan etnik telah terhakis berdasarkan kepada polarisasi yang disebabkan oleh ekstremisme dan ketiadaan toleransi agama
Mewujudkan <b>masyarakat yang saintifik dan progresif</b>	<b>Rendah</b>	Tahap R&D yang rendah dan bilangan saintis, jurutera, penyelidik dan ahli teknologi yang tidak mencukupi
Mewujudkan <b>masyarakat yang penyayang</b>	<b>Rendah</b>	Belum mencapai skala atau tahap yang dapat mewujudkan masyarakat yang penuh kepedulian dan berbudaya penyayang
Memastikan <b>masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi</b>	Sederhana	Pengagihan pendapatan mencatatkan pencapaian signifikan sejak beberapa dekad sejak pelaksanaan dasar afirmatif berasaskan kaum
Mewujudkan <b>masyarakat makmur</b>	Sederhana	Negara berpendapatan sederhana tinggi dengan ekonomi yang pelbagai

Sumber: Prof. Dr. Yeah Kim Leng, Pengarah Program Pengajian Ekonomi di Institut Asia Tenggara Jeffrey Cheah, Jan 2018





## 2 Pertimbangan Pasca 2020

### Sorotan Luaran

Apa yang ingin dicapai pada tahun 2030?

- Ciri-ciri negara paling bahagia di dunia
- Sokongan dasar untuk meningkatkan tahap kebahagiaan
- Megatrend

# Ciri-ciri negara-negara yang paling bahagia

- **Negara paling bahagia tidak semestinya paling kaya**
  - Pendapatan per kapita Amerika Syarikat meningkat sekali ganda dalam tempoh 40 tahun, namun tahap kebahagiaan telah jatuh daripada kedudukan ke-13 pada 2016 kepada ke-19 pada 2019
- **Tiga negara paling bahagia ialah Finland, Norway dan Denmark**
  - Mendapat skor yang tinggi dari segi:
    - Pendapatan
    - Sokongan sosial
    - Kepercayaan
    - Jangka hayat yang sihat
    - Kebebasan
    - Kemurahan hati
  - Rakyat negara tersebut membayar cukai tertinggi di dunia, tetapi mendapat sokongan awam yang meluas kerana dilihat sebagai pelaburan dalam kualiti hidup untuk semua
- **Finland adalah negara paling bahagia di dunia**
  - Tersenarai pada kedudukan paling stabil, negara paling selamat dan tadbir urus terbaik di dunia
  - Pendidikan percuma, kemudahan cuti untuk ibu bapa, keseimbangan antara kerja dan kehidupan
  - Lebih 80% daripada rakyat mempercayai sistem polis, pendidikan dan penjagaan kesihatan
  - Cukai dan pengagihan kekayaan yang progresif
  - Dianggap sebagai salah satu tempat terbaik di dunia untuk menjadi seorang ibu dan wanita yang bekerja





Source: [Statistics Finland](#), [Scientific American Magazine](#), [The Economist](#)



# Negara-negara yang paling bahagia mempunyai produktiviti, pendapatan dan pampasan pekerja yang lebih tinggi

Perkara	Finland	Norway	Denmark	Malaysia
KDNK benar (% setahun)	2.8	1.9	2.3	5.9
Kadar inflasi (%)	0.8	1.9	1.1	3.7
Kadar pengangguran (%)	8.5	4.2	5.7	3.3
Kedudukan fiskal (% daripada KDNK)	-0.1	-7.7	0.3	-3.2
Jumlah penduduk (juta)	5.50	5.29	5.75	32.0
<b>KDNK per kapita</b> (AS\$)	45,927	75,389	56,631	9,755
(PPP, antarabangsa semasa \$)	44,866	61,414	51,364	29,449
<b>Produktiviti buruh</b> (AS\$ PPP)	96,203	136,747	98,543	67,156
<b>Bahagian pampasan pekerja kepada KDNK (%)</b>	46.8	47.5	51.5	35.2

## Struktur ekonomi (% kepada jumlah KDNK benar)



■ Pertanian ■ Industri ■ Perkhidmatan

Nota: 1 CEIC Global Economic Data

2 Industri merangkumi perlombongan, pembuatan, pembinaan dan utiliti

Sumber: IMF World Economic Outlook, World Development Indicators, EIU Country Data dan The Conference Board



## Negara-negara yang paling bahagia mempunyai kadar cukai yang lebih tinggi (kecuali Norway) dan memberikan sokongan sosial yang meluas

Ciri-ciri	Finland	Norway	Denmark	Malaysia
<b>Cukai pendapatan</b>	<p>5 banjaran (<i>bracket</i>) pendapatan bercukai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>0%</li> <li>6%</li> <li>17.25%</li> <li>21.25%</li> <li>31.25%</li> </ul>	<p>5 banjaran (<i>bracket</i>) pendapatan bercukai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>0%</li> <li>1.4%</li> <li>3.3%</li> <li>12.4%</li> <li>15.4%</li> </ul>	<p>3 banjaran (<i>bracket</i>) pendapatan bercukai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>8%</li> <li>41%</li> <li>55%</li> </ul>	<p>11 banjaran (<i>bracket</i>) pendapatan bercukai</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>0%</li> <li>1%</li> <li>3%</li> <li>8%</li> <li>14%</li> <li>21%</li> <li>24%</li> <li>24.5%</li> <li>25%</li> <li>26%</li> <li>28%</li> </ul>
<b>Pendidikan</b>	Percuma untuk rakyat bagi kesemua 3 peringkat pendidikan	Percuma untuk rakyat bagi kesemua 3 peringkat pendidikan	Percuma untuk rakyat bagi semua peringkat pendidikan	Percuma untuk rakyat bagi peringkat rendah dan menengah. Peringkat tertiar mengenakan sebahagian kos yuran pengajian.
<b>Perkhidmatan kesihatan</b>	Percuma dengan langganan insurans nasional	Percuma sehingga 16 tahun bagi warganegara	Percuma bagi warganegara	Bayaran RM1 untuk pesakit luar dan beberapa jenis bayaran untuk pesakit dalam
<b>Elaun pengangguran</b>	EUR32.40 setiap hari untuk 5 hari seminggu, selama 65 hari (perlu mempunyai insurans Kela). Elaun dikurangkan secara beransur-ansur selepas 65 hari.	62.4% daripada pendapatan terdahulu (sehingga 52 hingga 104 minggu)	EUR2500 atau EUR1700 untuk pencarum insurans sepenuh masa dan separuh masa (sehingga 2 hingga 3 tahun)	Sistem Insurans Pekerjaan (EIS): 30% - 80% daripada gaji sehingga 6 bulan
<b>Cuti bersalin dan kelahiran</b>	Bapa - maksimum 54 hari Ibu - maksimum 105 hari	Bapa - 2 minggu Ibu - 3 minggu sebelum dan 15 minggu selepas	Bapa - 2 minggu selepas Ibu - 18 minggu selepas	Bapa - 7 hari selepas Ibu - 14 hari sebelum dan 60-90 hari selepas
<b>Keyakinan kepada kerajaan (2015)</b>	56% keyakinan terhadap kerajaan	59% keyakinan terhadap kerajaan	58% keyakinan terhadap kerajaan	44% keyakinan terhadap kerajaan



# Pengajaran daripada sokongan dasar negara tersebut untuk meningkatkan kebahagiaan

- **Penggubalan dasar inklusif** – kesan kebahagiaan dan keberkesanan dasar lebih dirasai dengan adanya penglibatan yang lebih besar daripada semua pihak berbanding dengan dasar yang digubal secara atas ke bawah (*top-down*)
- **Penting untuk mengukur kesejahteraan subjektif** – pemboleh ubah utama dengan kekerapan dan pecahan geografi yang mencukupi bagi menyediakan data kesejahteraan subjektif di peringkat bandar dan kawasan kejuranan
- **Keperluan pengukuran melangkaui KDNK**
  - Secara beransur-ansur bergerak ke arah petunjuk kesejahteraan subjektif dari kedudukan periferal kepada peranan yang lebih semula jadi sebagai petunjuk keseluruhan kualiti hidup
  - 15 Langkah Baharu Kesejahteraan yang diperkenalkan oleh Sweden baru-baru ini termasuk tiga petunjuk subjektif utama - kepuasan hidup, status kesihatan diri dan kepercayaan sosial
- **Kerangka institusi perlu fleksibel untuk memudahkan inovasi di peringkat yang lebih rendah**
  - Penting untuk mengambil kira keadaan setempat
  - Libat urus secara bersama dengan pihak setempat





# HORIZON MEGATREND Penggerak utama yang membentuk masa hadapan

Global

Malaysia

## 1 Globalisasi dan Ekonomi



Pusat tumpuan ekonomi dunia terus beralih ke Asia - eksport Asia-Pasifik dijangka meningkat kepada hampir 40% pada tahun 2050

**KDNK Dunia** dijangka meningkat dengan kadar purata 3.1% setahun bagi tempoh 2019-2050

### Peningkatan Hutang Sektor Awam


Menjelang 2050, penuaan penduduk akan meningkatkan perbelanjaan kesihatan & pencen. Ini akan mendorong peningkatan paras hutang sektor awam dunia ke tahap yang membimbangkan.



Perubahan Kuasa Ekonomi, Kebangkitan Timur dan Selatan



Produktiviti buruh meningkat  
RM220,000 menjelang 2050



## 2 Teknologi




Separuh penduduk dunia akan mendapat akses kepada internet menjelang 2030



Big Data



Kecerdasan Buatan (AI)



Masa depan baharu untuk pembuatan / Advanced Robotics



Pengkomputeran Awan



Advanced Genomics

**Ekonomi automasi:** Tumpuan kepada teknologi, kurang penggunaan tenaga kerja



Kemunculan jenis pekerjaan baharu

Permintaan untuk kemahiran khusus

Masyarakat baharu



Pertumbuhan eksponen kuasa pengkomputeran, transformasi digital

# HORIZON MEGATREND Penggerak utama yang membentuk masa hadapan

Global

Malaysia

## 3 Demografi dan sosial

Pada 2050 ...

**16.7%** daripada penduduk berumur **>65 tahun**



**Kepesatan urbanisasi**  
Kebanyakan pertumbuhan bandar berlaku di **Africa & Asia**

**Peningkatan kumpulan pendapatan penengah**




Penduduk akan meningkat kepada **42 juta** pada **2040**





Urbanisasi berkembang dari **75%** pada 2010 kepada **85%** pada 2040

Nisbah warga emas melebihi 60 tahun



Negara menua menjelang **2030**

## 4 Sumber & Alam Sekitar



**PERUBAHAN IKLIM YANG PANTAS**



**50%** ↑ dalam pelepasan GHG menjelang 2050  
**10%** kehilangan biodiversiti menjelang 2050



Negara sedang membangun perlu menanggung **75 - 80%** kos adaptasi




Peningkatan suhu (**+3 - 4°C**)  
**200 juta** jangkakan penempatan semula penduduk secara tetap berikutan peningkatan paras laut, banjir & kemarau



**2016:**  
68 juta tan

**2030:**  
85 juta tan



Perubahan Iklim

**Cabaran: Memisahkan pertumbuhan ekonomi daripada pelepasan GHG**

Seiring pertumbuhan ekonomi:

**Penggunaan sumber asli dan penghasilan sisa**


**Cabaran Jaminan Makanan**






# **3 Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 : Konsep dan Pendekatan**

**Fasa pertama pelaksanaan Inisiatif  
Kemakmuran Bersama**



# Pelan Pembangunan Jangka Panjang, 2021-2030 adalah dasar yang dicadangkan berasaskan inisiatif kemakmuran bersama




\* Kerajaan Pakatan Harapan mengambil alih pentadbiran selepas PRU14, 2018 dan menetapkan keutamaan dasar baharu



# Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 : Dimensi Pembangunan

## 1 **Pemeriksaan Ekonomi :** Pemacu pertumbuhan dan pemboleh, ekosistem dan imperatif

- **Pemacu dan pemboleh**
  - Ekonomi digital
  - Industri dan perkhidmatan terpilih (aeroangkasa dll.)
  - Pusat pertumbuhan (bandar-bandar)
  - Kerjasama / perkongsian ekonomi
  - Revolusi Perindustrian Keempat
  - Kemampanan tenaga
  - Keseimbangan serantau
- **Ekosistem**
  - Ketersambungan infrastruktur dan pengangkutan
  - Struktur fiskal dan cukai progresif
  - Penyusunan semula modal insan
  - Rangka kerja tadbir urus/ kawal selia
  - Kerekayaan Pihak Berkuasa Persekutuan-Negeri-Tempatan
- **Imperatif**
  - Meningkatkan inovasi dan produktiviti ke peringkat seterusnya
  - Meningkatkan perdagangan dan pelaburan swasta



- ## 2 **Kemampuan Alam Sekitar :** Pemuliharaan dan pemeliharaan
- Menangani perubahan iklim
  - Pengurusan ekonomi hijau dan biru
  - Pengurusan hutan yang mampan
  - Menguruskan sumber tenaga dan sumber air
  - Ekonomi kitaran - mengurangkan sisa dan mewujudkan nilai daripada sisa


- ## 3 **Perekayaan Sosial :** Meningkatkan modal sosial, keterangkuman dan kesepaduan sosial
- Kesaksamaan pendapatan yang lebih baik dengan fokus kepada B40 dan M40
  - Perpaduan nasional dan kesepaduan
  - Perlindungan sosial - kumpulan masyarakat yang kurang mendapat faedah, terdedah dan menua
  - Bumiputera berdikari
  - Gaya hidup yang sihat dan aktif
  - Perumahan mampu milik
  - Negara yang selamat

**Tiga dimensi pembangunan di atas adalah sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)**

# Mengoperasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

## Pemeriksaan Ekonomi

1. Revolusi Perindustrian 4.0
2. Pembaharuan sektor pertanian
3. Pengantarabangsaan perkhidmatan dan peralatan industri minyak & gas (OGSE)
4. Hab pasaran tenaga serantau
5. Semakan semula industri 3 + 2
6. Industrialisasi vs deindustrialisasi
7. Ekonomi digital
8. Sains & teknologi, inovasi & pengkomersialan
9. Perdagangan pengedaran
10. Mempergiat Cyberjaya
11. Budaya, seni dan warisan
12. Kebolehsesanan halal
13. Pembinaan pintar
14. Pengangkutan yang lancar
15. Kelayakan mikro
16. Pewujudan pekerjaan untuk penduduk tempatan
17. Pengurusan pekerja asing
18. Bandar sebagai pemangkin pertumbuhan
19. Pembangunan luar bandar yang berdaya tahan
20. Pembangunan serantau yang bersepadu
21. Kerjasama antarabangsa
22. Kecekapan sektor awam
23. Pembaharuan pasaran tenaga



# Mengoperasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025



## Kemampuan Alam Sekitar


1. Mitigasi dan penyesuaian perubahan iklim
2. Cukai Karbon
3. Penggunaan & Pengeluaran Mampan
4. Pengurusan risiko bencana
5. Skim insurans risiko bencana
6. Teknologi hijau
7. Petunjuk ekonomi hijau
8. Pemeliharaan biodiversiti
9. Tenaga boleh diperbaharui
10. Kecekapan tenaga
11. Pengurusan sumber air bersepadu
12. Sampah marin
13. Menilai perkhidmatan ekosistem
14. Sisa sebagai komoditi



# Mengoperasikan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

## Perekayasaan Sosial

1. Kos sara hidup
2. Kuasa beli
3. Kepelbagaian sumber pendapatan
4. Pendapatan asas sejagat
5. Peningkatan pendapatan B40
6. Perusahaan sosial
7. Perumahan mampu milik, kesihatan dan pendidikan
8. Menambah baik pengukuran kemiskinan
9. Kemiskinan bandar
10. Daya tahan Bumiputera
11. Pengoptimuman tanah rizab Melayu
12. Penyertaan kumpulan minoriti
13. Etika dan moral yang baik
14. Pembangunan komuniti
15. Masyarakat menua
16. Mencergaskan penjagaan kesihatan
17. Keselamatan dan ketenteraman awam
18. Keseimbangan hidup bekerja
19. Pendidikan awal kanak-kanak untuk semua
20. Sistem bantuan kewangan berstruktur untuk pelajar
21. Kawal selia kerjasama industri-akademik untuk TVET
22. Pewujudan pekerjaan untuk pekerja tempatan
23. Pengurusan pekerja asing
24. Ke arah pertanian pintar/teknik pertanian yang tepat









# **RMKe-12 : Struktur tadbir urus dan pelan kerja**

**Kementerian  
Hal Ehwal  
Ekonomi**



# Maklum balas daripada pihak berkepentingan diperolehi melalui pelbagai platform ...

- **13 Inter-Agency Planning Groups (IAPG)** – Kerajaan Persekutan dan Negeri
- **46 Technical Working Groups (TWG)** – Sektor awam dan swasta
- Sekurang-kurangnya **180 Focus Groups (FG)** – Sektor awam dan swasta, dan masyarakat sivil



# ... untuk menyediakan 30 Kertas Strategi bagi dokumen RMKe-12

## Reformasi Sektor Awam dan Tadbir Urus

1. Menyuntik Aspek Pandangan Tingkah Laku Dalam Penggubalan Dasar
2. Pembaharuan Pengurusan Perusahaan Berkaitan Kerajaan
3. Pembaharuan Kerjasama Awam Swasta ke Arah Mengurangkan Peranan Kerajaan dalam Perniagaan
4. Memperkukuh Penyelarasan dan Kerjasama untuk Menyokong Pembangunan Wilayah

## Perekayasaan Sosial

5. Memperkukuh Perpaduan Negara
6. Memastikan Kemampunan Pendapatan Isi Rumah B40
7. Menyokong Komuniti Bumiputera Menuju ke Arah Masyarakat Berdaya Tahan, Progresif dan Berani
8. Menjelang 2030: Mewujudkan Penyelesaian bagi Penduduk Menua di Malaysia
9. Mencergaskan Penjagaan Kesihatan Ke Arah Negara Progresif
10. Memastikan Negara Selamat, Tenteram dan Aman
11. Mentransformasi Kawasan Luar Bandar untuk Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat Luar Bandar

## Kemampunan Alam Sekitar

12. Melabur dalam Pertumbuhan Mampan dan Berdaya Tahan
13. Menilai Sumber Asli untuk Pembangunan Sosioekonomi
14. Transformasi Sektor Air
15. Penggunaan Tenaga yang Mampan untuk Menyokong Pertumbuhan


## Pemeriksaan Ekonomi

16. Memacu Pemodelan Sektor Agromakanan
17. Mencapai Kemakmuran Ekonomi dan Sosial Melalui Agrikomoditi
18. Memperkasa Sektor Pembuatan
19. Menjana Kekayaan Melalui Inovasi
20. Menjana Pertumbuhan Berasaskan Industri Aeroangkasa
21. Memperkukuh Sektor Perkhidmatan
22. Mencergaskan Semula Sektor Pelancongan
23. Digitalisasi Ekonomi Malaysia
24. Ketersambungan: Sistem Pengangkutan dan Logistik yang Lancar
25. Menuju ke Arah Bandar Lestari
26. Memperkukuh Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) untuk Memenuhi Permintaan Industri
27. Pasaran Buruh Inklusif bagi Kemakmuran Negara
28. Memperkukuh Sistem Pendidikan
29. Memperkasa Semula Sistem Pendidikan Tinggi
30. Membangunkan Perusahaan Kecil dan Sederhana Berdaya Tahan





## **4** **Kedudukan Ekonomi Melaka: Pencapaian, Isu dan Cabaran**



# Tinjauan awal ekonomi Melaka


- **Penilaian ekonomi Melaka bukan bertujuan sebagai satu perbandingan antara negeri**
- **Melaka mencatatkan pencapaian ekonomi yang memberangsangkan**
  - Pertumbuhan ekonomi Melaka kukuh diterajui sektor perkhidmatan
  - Pendapatan per kapita Melaka melebihi paras nasional
  - Produktiviti buruh berada pada paras setara dengan nasional
  - Kadar kemiskinan menghampiri sifar
  - Kesejahteraan rakyat Melaka lebih baik
- **Masih terdapat isu dan cabaran yang perlu diberi perhatian**
  - Pelaburan swasta kurang memberangsangkan
  - Industri pelancongan bertumpu kepada pelancongan domestik
  - Produktiviti buruh dalam sektor perkhidmatan rendah
  - Kadar pengangguran belia meningkat
  - Peningkatan inflasi didorong oleh komponen perumahan
  - Pemilikan rumah masih rendah
  - Defisit dalam perbelanjaan kumpulan pendapatan B40
  - Kemerosotan komponen alam sekitar
- **Kekuatan dan keunikan Melaka perlu dinilai dalam usaha meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri secara mampan**




# Melaka mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan ...

**KDNK Melaka berkembang 6.3% setahun lebih tinggi daripada paras nasional ...**

**KDNK (% pertumbuhan tahunan)**  
(pada harga malar 2010)




**Sumbangan kepada KDNK Nasional, 2017 (%)**



**... dan dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan sehingga tahun 2020**

**KDNK mengikut negeri,**  
pada harga malar 2010, % setahun



Sumber: DOSM





# Pendapatan per kapita Melaka melebihi paras nasional


**KDNK per kapita Melaka meningkat 7.4% setahun bagi tempoh 2016-2017 mencapai RM46,015 ...**

**... dan dijangka melebihi purata nasional sebanyak 13.1% pada tahun 2020**

**KDNK per kapita (pada harga semasa) 2017, Malaysia: RM42,228**




**KDNK per kapita, RM ribu**




# Pertumbuhan ekonomi Melaka diterajui oleh sektor perkhidmatan terutamanya sektor berkaitan pelancongan ...

RM31.7 bn



2015

RM35.9 bn



2017

**Ekonomi meningkat sebanyak 6.3% setahun**

Perdagangan borong dan runcit, F&B dan penginapan menyumbang 35% kepada sektor perkhidmatan

Sumber: DOSM; <sup>a</sup> Anggaran MEA; Peratusan kepada jumlah KDNK tidak termasuk duti import






# Produktiviti buruh berada pada paras setara dengan nasional

**Produktiviti buruh Melaka 8.8% lebih tinggi daripada paras nasional**

**... disokong oleh guna tenaga mahir yang tinggi**

## Produktiviti Buruh, 2017


(RM/pekerja pada harga malar 2010)




Sumber: DOSM

## Produktiviti Buruh, Melaka

(RM/pekerja pada harga malar 2010)



## Guna tenaga, Melaka ('000)




# Kadar kemiskinan Melaka telah berkurangan dengan signifikan ...

## Kadar kemiskinan menghampiri sifar

Kadar kemiskinan (%)

Kadar Kemiskinan Tegar (%)




■ Jurang    ■ Malaysia    ■ Melaka

Nota: Berdasarkan data eKasih, masih terdapat 723 isi rumah miskin termasuk 20 yang miskin tegar

## Jurang pendapatan mengecil

Pekali Gini (Indeks)



Sumber: DOSM




# Jurang pendapatan bulanan isi rumah Melaka berbanding nasional hanya 1.6% sahaja ...

**Pendapatan bulanan isi rumah Melaka meningkat 6.7% setahun ...**


**... dan paras pendapatan hampir sama dengan purata nasional**

**Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah Purata (RM)**



Sumber: DOSM

**Pendapatan Kasar Bulanan Isi Rumah Purata (RM), 2016**



# Walaupun pertumbuhan ekonomi Melaka tinggi, namun pelaburan swasta masih kurang memberangsangkan ...

Pelaburan swasta sektor pembuatan di Melaka masih rendah berbanding purata nasional ...


... manakala peruntukan pembangunan (DE) yang diluluskan kepada Melaka berjumlah RM661 juta

Pelaburan swasta sektor pembuatan (RM bn), 2018



Sumber: MITI

Peruntukan pembangunan (RM juta)




# Pertumbuhan ekonomi Melaka masih diterajui oleh sektor tradisional terutamanya bertumpu kepada sektor pelancongan domestik ...


**Jumlah penginap hotel domestik meningkat dengan ketara berbanding antarabangsa ...**

**... namun kadar penginapan hotel semakin berkurangan**

**Bilangan Penginap Hotel (Juta)**



**Kadar Penginapan Hotel (%)**




Sumber: Tourism Malaysia




# Walaupun produktiviti di Melaka tinggi, namun produktiviti sektor perkhidmatan masih rendah berbanding paras nasional


Produktiviti buruh mengikut sektor ekonomi utama, 2017 (RM'000/pekerja pada harga malar 2010)




Produktiviti Buruh sektor **Pembuatan**, 2017 (RM'000/pekerja pada harga malar 2010)




Produktiviti Buruh sektor **Perkhidmatan**, 2017 (RM'000/pekerja pada harga malar 2010)




Produktiviti buruh sektor **Perlombongan**, 2017 (RM'000/pekerja pada harga malar 2010)



Produktiviti buruh sektor **Pembinaan**, 2017 (RM'000/pekerja pada harga malar 2010)



Produktiviti buruh sektor **Pertanian**, 2017 (RM'000/pekerja pada harga malar 2010)




Sumber : DOSM & MEA



## Kadar penyertaan buruh masih rendah dan industri lebih bergantung kepada pekerja separa mahir dan berkemahiran rendah

Jumlah pekerja mengikut tahap pekerjaan mengikut negeri ('000 bilangan pekerja)



### Isu utama

- **Kadar penyertaan buruh** di Melaka lebih rendah (66.6%) daripada paras nasional (68.3%)
- **Kadar kebergantungan/** nisbah penduduk muda dan tua di luar umur bekerja kepada penduduk umur bekerja di Melaka adalah lebih tinggi (44.8%) daripada paras nasional (43.4%)
- **Pelajar yang tamat pendidikan menengah** di Melaka (89.5%) adalah di bawah 90%


Sumber: DOSM

## Kadar pengangguran belia Melaka semakin meningkat ...


2,900 belia menganggur dan peratusan graduan belum bekerja dalam masa 6 bulan adalah sebanyak 20.1% ...

... pemberhentian kerja tertumpu kepada pekerjaan berkemahiran dan separa mahir berbanding kekosongan daripada pekerjaan berkemahiran rendah


### Kadar Pengangguran (%)



### Pemberhentian



### Kekosongan




Sumber: DOSM






# Kadar inflasi di Melaka lebih rendah, namun terdapat peningkatan yang ketara bagi komponen perumahan ...

**Kadar inflasi yang rendah disokong oleh penetapan paras harga petrol dan kadar GST sifar**



Sumber: DOSM

**Komponen perumahan merupakan penyumbang utama peningkatan inflasi**




# Pemilikan rumah di Melaka masih di bawah purata nasional ...

**Kemampuan memiliki rumah berada pada paras mampu milik ...**

**... dan paras harga rumah median di Melaka tidak berubah serta berada di bawah nasional**


**Penunjuk Kemampuan Kediaman<sup>1</sup>, 2017**



<sup>1</sup>Berdasarkan model penunjuk gandaan penengah (*multiple median indicator*) oleh Bank Dunia dan Bangsa-bangsa Bersatu

Sumber: MEA, DOSM dan NAPIC


**Malaysia, 2018**





**Petunjuk**  
 📍 Meningkatkan  
 📍 Tidak Berubah  
 📍 Menurun

**..namun, pemilikan rumah kumpulan B40 masih di bawah purata nasional**

**% pemilikan, 2016**



# Perbelanjaan kumpulan pendapatan B40 di Melaka masih mengalami defisit ...




Sumber: DOSM dan Pengiraan MEA




# Kemerosotan komponen alam sekitar merupakan isu utama kesejahteraan rakyat Melaka ...


**Kesejahteraan rakyat Melaka lebih baik dalam tempoh 17 tahun ...**



**Namun prestasi Melaka lebih rendah berbanding paras purata nasional pada tahun 2017 ...**




**... Komponen alam sekitar, keselamatan awam dan kesihatan perlu diberi perhatian**



# Infrastruktur jalan raya Melaka perlu dinilai semula ...

**Kemudahan pendidikan yang lebih baik berbanding purata nasional ...**

**Nisbah populasi pelajar kpd sekolah, 2017**  
(‘000/bil)




Nota: Populasi pelajar berdasarkan bilangan populasi dalam **Julat usia 5 – 19 tahun**

Sumber: DOSM dan KPM

**... begitu juga dengan kemudahan kesihatan dengan nisbah populasi per katil yang rendah**


**Nisbah populasi kpd katil hospital, 2018**  
(‘000/bil)



Nota: Tidak termasuk Institusi Perubatan Khas dan hospital swasta  
Sumber: DOSM dan MOH

**... kehadiran pelancong yang ramai menyebabkan akses jalan raya sesak**

**Nisbah populasi dan pelancong kpd 1 km jalan, 2018**  
(‘000/km)



Nota: Maklumat jalan raya adalah berdasarkan buku **Statistik Jalan 2015 dan 2018**

■ Penduduk  
■ Pelancong

Sumber: JKR dan TOURISM Malaysia





**Terima kasih**

**[www.mea.gov.my](http://www.mea.gov.my)  
[rmke12.mea.gov.my](http://rmke12.mea.gov.my)**

**Kementerian  
Hal Ehwal  
Ekonomi**

